

Pelanggan yang dihormati,

Helaian Penerangan Produk ini memberikan anda maklumat penting mengenai takaful keluarga anda. Pelanggan lain telah membaca Helaian Penerangan Produk ini dan mendapati ianya membantu; **anda patut membacanya juga.**

Tarikh: 01/01/2026

1 Apakah Takaful mySmart Income Enhanced?

Takaful mySmart Income Enhanced ialah pelan takaful dengan bayaran terhad yang menawarkan perlindungan takaful untuk 20 tahun. Ia membayar manfaat sekali gus sekiranya orang yang dilindungi meninggal dunia atau mengalami keilatan menyeluruh dan kekal ("KMK") semasa tempoh sijil. Di samping itu, pelan ini juga membayar manfaat tunai tahunan bermula dari akhir tahun pertama.

Pelan ini menggunakan konsep-konsep Syariah seperti **Tabarru'**, **Wakalah**, **Qard**, dan **Hibah**.

2 Ketahui Perlindungan/Manfaat-manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, untuk lelaki berumur 30 tahun dengan caruman takaful **RM375,000.00** tahunan, anda akan menerima **perlindungan/manfaat-manfaat** takaful keluarga seperti berikut:

Kematian/KMK	a. *Jumlah yang lebih tinggi di antara: • RM500,000; atau • Jumlah caruman asas yang diterima, tolak jumlah Manfaat Tunai Terjamin ("MTT") yang telah dibayar oleh kami daripada Akaun Peserta ("AP"); dan b. Sebarang baki di dalam Dana Berkaitan-Pelaburan ("ILF(s)"). *Sekiranya kematian/KMK bukan akibat kemalangan berlaku dalam tempoh 2 tahun pertama, manfaat yang dibayar akan dihadkan kepada jumlah caruman asas yang diterima, tolak jumlah MTT yang dibayar daripada AP.							
Kematian akibat Kemalangan	Manfaat kematian tambahan jika berlaku peristiwa berikut: <table><tr><th>Peristiwa</th><th>Manfaat Tambahan Dibayar</th></tr><tr><td>Kematian akibat kemalangan</td><td>RM1,000,000</td></tr><tr><td>Kematian akibat kemalangan semasa berada di luar Malaysia</td><td>RM2,000,000</td></tr></table>		Peristiwa	Manfaat Tambahan Dibayar	Kematian akibat kemalangan	RM1,000,000	Kematian akibat kemalangan semasa berada di luar Malaysia	RM2,000,000
Peristiwa	Manfaat Tambahan Dibayar							
Kematian akibat kemalangan	RM1,000,000							
Kematian akibat kemalangan semasa berada di luar Malaysia	RM2,000,000							
Kematian semasa menunaikan Haji/Umrah	Tambahan RM2,000,000 .							
Manfaat Tunai Terjamin	a. MTT terdiri daripada 2 manfaat tunai: Manfaat Bayaran Tunai dan Manfaat <i>Booster</i> Tunai b. Manfaat ini dibayar setiap tahun ke dalam <i>ILF(s)</i> yang anda pilih, mulai dari akhir tahun pertama, dan berterusan sehingga orang yang dilindungi meninggal dunia, mengalami KMK, membatalkan pelan atau pelan matang, yang mana berlaku terlebih dahulu. c. Sila rujuk kepada Lampiran untuk butiran pembayaran MTT.							
Matang	Sebarang baki di dalam AP dan <i>ILF(s)</i> .							

Nota:

- Kematian akibat Kemalangan dan Kematian semasa menunaikan Haji/Umrah boleh dituntut sekali sahaja sebagai tambahan kepada Kematian.
- Manfaat ini memberikan perlindungan hanya sehingga umur 70, untuk KMK, kematian akibat kemalangan dan kematian semasa menunaikan Haji/Umrah.

Takaful keluarga anda **tidak melindungi**:

- kematian akibat bunuh diri dalam tempoh tahun pertama; dan
- KMK yang telah wujud sebelum perlindungan bermula, atau berpunca daripada cubaan bunuh diri atau kecederaan yang disebabkan oleh diri sendiri.

Nota: Senarai ini adalah **tidak lengkap**. Anda mesti merujuk kepada Lampiran untuk pengecualian-pengecualian tambahan.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan takaful keluarga anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
1-300 88 252 385



Mengunjungi cawangan RHB
terdekat



Emel kami di:
csu@takaful-malaysia.com.my



Imbas kod QR untuk merujuk
Lampiran bagi maklumat lanjut

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Untuk takaful keluarga ini, anda perlu membayar caruman takaful sebanyak:

Caruman Takaful	RM375,000.00 tahunan										
Tempoh: 10 tahun											
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut (sebagai sebahagian daripada caruman takaful anda):											
Yuran Wakalah*	Yuran Wakalah ditolak terlebih dahulu sebagai peratusan caruman takaful untuk memenuhi perbelanjaan pengurusan kami dan jumlah kos pengagihan (iaitu komisen).										
	Tahun	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
	%	35.00	20.00	16.00	11.00	11.00	11.00	11.00	11.00	11.00	11.00
	RM	131,250	75,000	60,000	41,250	41,250	41,250	41,250	41,250	41,250	41,250
Komisen* (sebahagian daripada yuran Wakalah)	Tahun	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
	%	15.00	10.00	7.50	2.50	2.50	2.50	2.50	2.50	2.50	2.50
	RM	56,250	37,500	28,125	9,375	9,375	9,375	9,375	9,375	9,375	9,375
Caj pengurusan dana	1.00% kepada 1.50% setahun, daripada nilai aset bersih daripada ILF(s) yang dipilih.										
Duti setem	Dibayar oleh Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad										

* Semua jumlah dalam RM yang dinyatakan dibundarkan kepada Ringgit Malaysia (RM) terdekat.

4 Terma Utama Lain

- Anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang sewajarnya untuk tidak memberikan maklumat palsu atau tidak tepat apabila anda memohon untuk pelan ini. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan tuntutan anda ditolak dan/atau sijil ditamatkan.
- Amaun yang telah diletakkan di bawah AP dan ILF(s) dan keuntungan pelaburan yang timbul daripada AP tidak dijamin dan akan berdasarkan prestasi dana sebenar.
- Anda boleh menamakan penama dan memastikan bahawa penama anda mengetahui mengenai penyertaan anda dalam pelan ini.
- Sila maklumkan kepada kami dengan segera sekiranya berlaku kejadian yang mengakibatkan tuntutan.

Nota: Senarai ini adalah **tidak lengkap**. Anda hendaklah merujuk kepada sijil untuk senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Ya, anda boleh membatalkan sijil anda dengan memberi notis bertulis kepada kami.

- Tempoh Penelitian Percuma:** Anda boleh membatalkan sijil anda dengan mengembalikan sijil dalam tempoh 15 hari selepas sijil anda dihantar kepada anda. Caruman takaful yang telah dibayar akan dipulangkan kepada anda.
- Notis Bertulis:** Sekiranya anda memilih untuk menyerahkan sijil anda selepas tempoh penelitian percuma 15 hari, anda boleh memohon untuk menyerahkan sijil anda dengan mengisi borang penyerahan dan menghantarkannya kepada kami, dan sebarang baki di dalam AP dan ILF(s) akan dibayar.

Pengakuan Pelanggan*

Sila pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan anda sedar akan tujuan tandatangan anda.

- ☐ Saya mengakui bahawa wakil jualan Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad telah memberikan saya sesalinan Helaian Penerangan Produk.
- ☐ Saya sudah membaca dan memahami maklumat penting yang terdapat dalam Helaian Penerangan Produk ini.

*Pengakuan anda terhadap Helaian Penerangan Produk ini tidak akan menjejaskan hak anda untuk mendapatkan ganti rugi sekiranya berlaku sebarang pertikaian berkaitan terma dan syarat produk.

Nama:
Tarikh:

Pelanggan yang dihormati,

Helaian Penerangan Produk ini memberikan anda maklumat penting mengenai takaful berkaitan pelaburan anda. Pelanggan lain telah membaca Helaian Penerangan Produk ini dan mendapati ianya membantu; **anda patut membacanya juga.**

Tarikh: 01/01/2026

1 Apakah mySaver?

mySaver adalah rider berkaitan pelaburan, di mana caruman takaful diperuntukkan untuk meningkatkan bahagian pelaburan anda. Ia akan membayar sebarang baki dalam Dana Berkaitan Pelaburan ("ILF(s)") sekiranya orang yang dilindungi meninggal dunia atau mengalami keilatan menyeluruh dan kekal ("KMK") semasa tempoh sijil, atau apabila berlaku serahan sijil atau apabila sijil matang.

Rider ini menggunakan konsep Syariah seperti **Wakalah**.

2 Ketahui Perlindungan/Manfaat-manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, untuk lelaki berumur 30 tahun dengan caruman takaful **RM500,000.00** tahunan, anda akan menerima **perlindungan/manfaat-manfaat** takaful seperti berikut:

Kematian/KMK	Sebarang baki dalam ILF(s).
Serahan	Sebarang baki dalam ILF(s).
Matang	Sebarang baki dalam ILF(s).

Rider berkaitan pelaburan anda **tiada pengecualian**.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan takaful berkaitan-pelaburan anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
1-300 88 252 385



Mengunjungi cawangan RHB terdekat



Emel kami di:
csu@takaful-malaysia.com.my

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Untuk takaful berkaitan pelaburan ini, anda perlu membayar caruman takaful sebanyak:

Caruman Takaful	RM500,000.00 tahunan
Tempoh: 10 tahun	
Kami memperuntukkan sebahagian daripada caruman takaful untuk membeli unit dalam ILF(s) yang anda pilih.	
Caruman takaful yang diperuntukkan untuk membeli unit	95.00% daripada caruman takaful atau RM475,000.00 setahun untuk 10 tahun Sila rujuk kepada Ilustrasi Pemasaran untuk maklumat lanjut.
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut (sebagai sebahagian daripada caruman takaful anda):	
Yuran Wakalah	5.00% daripada caruman takaful atau RM25,000.00 setahun untuk 10 tahun Yuran Wakalah ditolak terlebih dahulu sebagai peratusan caruman takaful untuk memenuhi perbelanjaan pengurusan kami dan jumlah kos pengagihan (iaitu komisen).
Komisen (sebahagian daripada yuran Wakalah)	3.75% daripada caruman takaful atau RM18,750.00 setahun untuk 10 tahun
Caj pengurusan dana	1.00% kepada 1.50% setahun, daripada nilai aset bersih daripada ILF(s) yang dipilih
Duti setem	Dibayar oleh Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad

4 Terma Utama Lain

- Anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang sewajarnya untuk tidak memberikan maklumat palsu atau tidak tepat apabila anda memohon untuk rider ini. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan tuntutan anda ditolak dan/atau sijil ditamatkan.
- Nilai akaun rider ini bergantung kepada prestasi dana yang anda pilih. Anda dinasihatkan untuk merujuk kepada Helaian Fakta Dana untuk strategi pelaburan dan jenis aset yang dilaburkan.
- Sila maklumkan kepada kami dengan segera sekiranya berlaku kejadian yang mengakibatkan tuntutan.
- Anda juga boleh menambah baki dalam ILF(s) dengan membuat tambahan caruman tunggal selepas 15 hari selepas sijil anda dihantar kepada anda.

Nota: Senarai ini adalah **tidak lengkap**. Anda hendaklah merujuk kepada sijil untuk senarai penuh terma dan syarat.

**Bolehkah saya membatalkan sijil saya?**

Ya, anda boleh membatalkan sijil anda dengan memberi notis bertulis kepada kami.

- **Tempoh Penelitian Percuma:** Anda boleh membatalkan sijil anda dengan mengembalikan sijil dalam tempoh 15 hari selepas sijil anda dihantar kepada anda. Caruman takaful yang telah anda bayar, tertakluk kepada turun naik harga unit *ILF(s)*, akan dipulangkan kepada anda.
- **Notis Bertulis:** Sekiranya anda memilih untuk menyerahkan pelan asas anda selepas tempoh penelitian percuma 15 hari, anda boleh memohon dengan mengisi borang penyerahan dan menghantarkannya kepada kami. Rider ini juga akan ditamatkan dan sebarang baki di dalam *ILF(s)* akan dibayar. Amaun penyerahan yang anda terima akan berdasarkan *ILF(s)* anda pada masa kami meluluskan permintaan anda, yang mungkin kurang daripada jumlah caruman takaful yang telah anda bayar. Jika anda ingin membatalkan rider ini, anda boleh memohon melalui endorsemen dengan mengisi borang endorsemen dan menghantarkannya kepada kami. Untuk makluman, baki di dalam *ILF(s)* tidak akan dibayar jika anda memilih untuk membatalkan rider ini sahaja.



Konsep Syariah

Tabarru'	- Derma untuk tujuan kebajikan. - Anda menderma suatu amaun daripada AP ke dalam Akaun Khas Peserta ("Dana Risiko") untuk membantu peserta lain. - Tabarru' berkuat kuasa apabila anda mencarum ke dalam Dana Risiko.
Wakalah	- Sebuah kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal, memberi kuasa kepada satu pihak yang lain sebagai wakilnya. - Wakil tersebut akan melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan upah. - Di dalam pelan ini, anda memberi kuasa kepada kami untuk menguruskan sijil, dan sebagai balasannya, kami akan menerima yuran Wakalah. Di samping itu, sekiranya berkenaan, anda membenarkan kami menerima caj pengurusan dana untuk menguruskan <i>ILF(s)</i>.
Qard	- Pinjaman tanpa sebarang faedah. - Kami akan meminjamkan sejumlah wang ke dalam Dana Risiko tanpa faedah sekiranya Dana Risiko mengalami defisit untuk membayar tuntutan.
Hibah	- Pemindahan hak milik aset dari penderma kepada penerima tanpa apa-apa balasan. - Manfaat-manfaat yang akan dibayar dari Dana Risiko adalah diberikan sebagai Hibah. - Penama boleh menerima manfaat yang dibayar sebagai Hibah sekiranya penama adalah benefisiari di bawah Hibah bersyarat. - Ini termasuk Hibah ke atas Manfaat <i>Booster Tunai</i>, iaitu hadiah bersyarat yang diberikan oleh kami kepada anda setelah syarat-syarat tertentu yang ditetapkan oleh kami dipenuhi.



Terma & Syarat Utama lain

Caruman	- Caruman takaful bergantung kepada jumlah perlindungan, tempoh bayaran caruman dan tempoh perlindungan. - Amaun caruman adalah tidak dijamin dan kami berhak untuk menyemak semula amaun caruman. Kami akan memaklumkan kepada anda sekurang-kurangnya 30 hari sebelum ianya berkuat kuasa. - Perlindungan ke atas orang yang dilindungi akan berkuat kuasa selepas pembayaran caruman takaful pertama seperti yang dinyatakan di dalam e-Sijil anda berjaya. - Caruman takaful seterusnya akan ditolak secara automatik daripada kad debit/kredit atau akaun semasa/simpanan yang dipilih berdasarkan mod pembayaran yang telah dipilih untuk memastikan perlindungan berterusan kepada orang yang dilindungi. - Sila simpan resit yang akan di-e-melkan kepada anda, sebagai bukti pembayaran caruman telah dibuat.
Tabarru'	- Tabarru' akan ditolak setiap bulan daripada AP dan dikreditkan ke dalam Dana Risiko bergantung kepada jumlah perlindungan, tempoh bayaran caruman dan tempoh perlindungan. - Amaun tabarru' adalah tidak dijamin dan kami berhak untuk menyemak semula amaun Tabarru'. Kami akan memaklumkan kepada anda sekurang-kurangnya 30 hari sebelum ianya berkuat kuasa.
Tempoh Tangguh	Anda mempunyai 30 hari daripada tarikh akhir untuk membayar caruman takaful. Sijil ini akan kekal berkuat kuasa semasa tempoh tangguh.
Luput	Sekiranya pada ulang tahun bulanan, AP tidak mencukupi untuk membayar secara penuh jumlah Tabarru' bulanan dan terdapat bayaran caruman tertunggak, sijil anda akan luput pada ulang tahun bulanan berikutnya dan perlindungan orang yang dilindungi akan ditamatkan. Oleh itu, sebarang baki di dalam <i>ILF(s)</i>, tolak sebarang amaun tertunggak, akan dibayar kepada anda.
Kuat Kuasa Semula	Jika sijil anda telah luput, anda tidak dibenarkan untuk kuat kuasa semula.
Lain - lain	- Bagi kematian akibat kemalangan ke atas orang yang dilindungi semasa berada di luar Malaysia, kematian mestilah berlaku dalam tempoh 90 hari selepas orang yang dilindungi meninggalkan Malaysia. Jika kematian akibat kemalangan berlaku selepas tempoh ini, hanya manfaat kematian akibat kemalangan yang akan dibayar. - Adalah penting untuk anda mengemaskini di dalam Portal <i>myTakaful</i> Customer atau memaklumkan kepada kami sekiranya terdapat sebarang perubahan ke atas butiran hubungan anda bagi memastikan semua urusan surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.


Perlindungan/Manfaat - manfaat
Manfaat Tunai Terjamin

MTT akan dikreditkan terus ke dalam ILF(s) berdasarkan dana yang dipilih, daripada yang berikut:

1. Bayaran daripada AP, dikenali sebagai Manfaat Bayaran Tunai; dan
2. Bayaran daripada Dana Pemegang Saham ("DPS"), dikenali sebagai Manfaat *Booster Tunai*, sebagai Hibah.

Manfaat ini akan dibayar mengikut jadual di bawah.

Akhir Tahun	Pembayaran MTT (% daripada jumlah perlindungan asas)				Jumlah
	Manfaat Bayaran Tunai		Manfaat <i>Booster</i> Tunai		
1	5%	RM25,000	-	-	RM25,000
2	5%	RM25,000	-	-	RM25,000
3	5%	RM25,000	-	-	RM25,000
4	5%	RM25,000	-	-	RM25,000
5	60%	RM300,000	9%	RM45,000	RM345,000
6	6%	RM30,000	-	-	RM30,000
7	6%	RM30,000	-	-	RM30,000
8	6%	RM30,000	-	-	RM30,000
9	6%	RM30,000	-	-	RM30,000
10	100%	RM500,000	12%	RM60,000	RM560,000
11	7%	RM35,000	-	-	RM35,000
12	7%	RM35,000	-	-	RM35,000
13	7%	RM35,000	-	-	RM35,000
14	7%	RM35,000	-	-	RM35,000
15	200%	RM1,000,000	15%	RM75,000	RM1,075,000
16	9%	RM45,000	-	-	RM45,000
17	9%	RM45,000	-	-	RM45,000
18	9%	RM45,000	-	-	RM45,000
19	9%	RM45,000	-	-	RM45,000
20 (Matang)	335%	RM1,675,000	18%	RM90,000	RM1,765,000

Nota:

1. Manfaat Bayaran Tunai
 - Manfaat ini adalah dijamin, kerana sebarang kekurangan dalam bayaran akan dibayar daripada Dana Risiko.
 - Walau bagaimanapun, sekiranya anda tidak membayar caruman melebihi 3 bulan berturut-turut, manfaat ini tidak lagi akan dijamin. Dalam keadaan ini, anda hanya akan menerima baki yang tinggal dalam AP anda.
2. Manfaat *Booster Tunai*
 - Manfaat ini hanya akan dibayar pada akhir setiap 5 tahun ("Kitaran 5 Tahun") sekiranya syarat-syarat berikut dipenuhi:
 - a. Semua caruman untuk Kitaran 5 Tahun hendaklah dibayar penuh sebelum tarikh bayaran; dan
 - b. Anda tidak membuat sebarang pengeluaran MTT yang dikreditkan ke ILF(s) dalam tempoh Kitaran 5 Tahun yang sama.
 - Sebarang amaun MTT yang dikreditkan dalam tempoh Kitaran 5 Tahun ("Amaun Terkumpul") tidak boleh dikeluarkan sehingga Manfaat *Booster Tunai* untuk kitaran tersebut telah dibayar. Setelah Manfaat *Booster Tunai* dibayar, Amaun Terkumpul untuk kitaran tersebut boleh dikeluarkan tanpa menjejaskan Manfaat *Booster Tunai* akan datang.
 - Sekiranya anda mengeluarkan sebarang amaun daripada Amaun Terkumpul sebelum Manfaat *Booster Tunai* dibayar, Manfaat *Booster Tunai* untuk Kitaran 5 Tahun tersebut tidak akan dibayar.
 - Setiap Kitaran 5 Tahun disemak secara berasingan sehingga sijil anda matang.

Pengecualian

Pelan ini tidak melindungi perkara berikut:

Kematian	Kematian akibat bunuh diri dalam tempoh tahun pertama.
KMK	KMK: - yang telah wujud telah wujud sebelum perlindungan bermula, atau berpunca daripada cubaan bunuh diri atau kecederaan yang disebabkan oleh diri sendiri; - disebabkan penerbangan, meluncur atau apa-apa aktiviti penerbangan lain selain sebagai juruterbang, anak kapal kabin atau penumpang kapal terbang; atau - disebabkan melanggar undang-undang atau kecederaan semasa melakukan, mencuba atau mencetuskan serangan atau jenayah.
Kematian Akibat Kemalangan	Kematian akibat kemalangan akibat: - bunuh diri, cubaan bunuh diri atau kecederaan yang disebabkan oleh diri sendiri; - penerbangan, meluncur atau apa-apa aktiviti penerbangan lain selain sebagai juruterbang, anak kapal kabin atau penumpang kapal terbang; atau - sukan berbahaya, atau menunggang atau memandu dalam apa jua jenis perlumbaan atau pertandingan.
Kematian semasa menunaikan Haji/Umrah	Kematian bukan akibat kemalangan semasa menunaikan Haji/Umrah dalam tempoh 2 tahun pertama.

Nota:

Senarai di atas adalah **tidak lengkap**. Anda hendaklah merujuk kepada sijil untuk senarai penuh terma dan syarat.

NOTA-NOTA PENTING:

PENYERTAAN DI DALAM PELAN TAKAFUL KELUARGA ADALAH KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA HARUS MEMILIH JENIS PELAN YANG BERSESUAIAN DENGAN KEADAAN PERIBADI ANDA. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN WAKIL JUALAN KAMI ATAU HUBUNGI SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA KELUARGA BERHAD SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

MANFAAT-MANFAAT YANG DIBAYAR DI BAWAH SIJIL YANG LAYAK ADALAH DILINDUNGI OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PIDM) SEHINGGA HAD PERLINDUNGAN. SILA RUJUK BROSUR SISTEM PERLINDUNGAN MANFAAT TAKAFUL DAN INSURANS ("TIPS") PIDM ATAU HUBUNGI SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA KELUARGA BERHAD ATAU PIDM (LAYARI WWW.PIDM.GOV.MY).

Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad [198401019089 (131646-K)] adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan diselia oleh Bank Negara Malaysia.